



Sumber: Melaka Hari Ini

Ms.38

31 Julai 2016 BH-AHAD

→ WANITA

BSK Transit ringankan beban

➔ Sedia pelbagai kemudahan percuma bantu individu dari luar Lembah Klang hadiri prosiding

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Masjid Wilayah menjadi tempat bermalam sementara seorang wanita dari Perak, setiap kali mengikuti prosiding mahkamah untuk kes tuntutan harta pusaka di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (WP).

Siti, 36, (bukan nama sebenar), yang bekerja sebagai pembantu kantin bersama anak lelakinya berusia lapan tahun, akan menaiki bas sekitar jam 11.30 malam dari Changkat Jering, Perak dan tiba di Hentian Jalan Duta, kira-kira jam 3 pagi.

"Itu rutin kami sejak Disember lalu. Saya sudah mengikuti lebih lima kali prosiding kes tuntutan rumah

Info

BSK Transit

➔ Kelayakan memohon

Beragama Islam, menjadi pihak/saksi dalam prosiding mahkamah, tinggal di luar Lembah Klang, Putrajaya dan Labuan; tidak berkemampuan.

➔ Cara memohon

Permohonan dalam talian, borang lengkap dengan pegawai BSK. Salinan dokumen kad pengenalan, notis kehadiran, slip gaji (jika ada), muka depan buku akaun. Permohonan dalam 30 hari sebelum prosiding, pembatalan hendaklah dimaklumkan tiga hari sebelum prosiding.

pusaka arwah suami yang difailkan oleh empat anak tiri di Mahkamah Syariah WP Kuala Lumpur di sini.

"Saya tidak ada sanak-saudara atau kenalan di Kuala Lumpur untuk menumpang tidur. Jadi, saya beri kad pengenalan kepada pengawal keselamatan supaya kami tidak dihala kerana bernatalam di Masjid Wilayah Persekutuan," katanya kepada BH, baru-baru ini.

Itu kepayahan yang ditempuhi Siti sebelum diberi bantuan oleh Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Transit, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang merangkumi perbelanjaan pengangkutan, penginapan dan makanan secara percuma yang diperolehi sejak minggu lalu.

Siti yang kematian suami dua tahun lalu, berdepan konflik apabila hasil jualan rumah milik arwah di Negeri Sembilan dituntut anak tirinya kerana merasakan itu harta pusaka mereka.

Dapat pembelaan

Sebelum ini, sebaik saja sampai di Hentian Jalan Duta, Siti akan ke Masjid Wilayah tidur di situ dan perlu membayar RM30 tambang teksi, iaitu caj dua kali ganda kerana menggunakan perkhidmatan itu pada awal pagi, selain terpaksa mengambil cuti tanpa gaji untuk menghadiri prosiding kes terbabit.

Sejak minggu lalu, beliau menginap di rumah transit Kompleks Kediaman Kakitangan Awam (KKKA), Jalan Duta yang disediakan perkhidmatan BSK, sebelum memulakan prosiding.

Katanya, kemudahan di sini jauh lebih selesa berbanding tidur di masjid, selain tidak perlu tergesa-gesa ke mahkamah ada van disediakan untuk ke mahkamah tidak jauh dari kompleks transit itu.

"Saya bersyukur tidak lagi tidur di masjid. Saya mendapat maklumat mengenai BSK Transit daripada pegawai Jabatan Bantuan Guaman. Saya cuba memohon. Alhamdulillah mudah saja prosedurnya, lega ada tempat menginap kerana tidak tahu bila kesudahan kes."

"Mahu tidak mahu, saya terseret sama dalam tuntutan harta ini. Saya bukan orang senang, hanya bekerja biasa yang menerima gaji mingguan, namun saya tetap berjuang untuk keadilan diri dan satu-satunya zuriat saya," katanya yang tidak bila itu akan berakhir.

Sementara itu, Pengarah BSK, JKSM, Zuraidah Apob, berkata asas penubuhan BSK Transit adalah untuk memberikan bantuan perkhidmatan penginapan sementara kepada masyarakat terutama wanita yang menghadiri prosiding kes di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Katanya, keutamaan diberikan kepada mereka yang tinggal di luar Lembah Klang dan yang tidak berkemampuan.

Menerusi ini, ia melancarkan perjalanan prosiding sekali gus mengurangkan kes tertunggak akibat ketidakhadiran pihak berkenaan.

Operasi dibiaya oleh MAIWP

Selain ditempatkan di KKKA Jalan Duta, BSK Transit turut beroperasi di Presint 18 terletak berhampiran dengan Mahkamah Syariah WP Putrajaya. Kos pembiayaan operasinya ditampung oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan peruntukan sebanyak RM100,000.

"Sememangnya kemudahan ini untuk kes Mahkamah Syariah WP Kuala Lumpur dan Putrajaya. Namun seiring dengan perubahan masa dan perkembangan BSK, perkhidmatan ini diperluaskan kepada pihak dengan sidang pengantaraan dan sesi majlis Sulh di mahkamah sama," katanya.

Beliau berkata, sesiapa saja boleh memohon, sama ada plaintif atau defendan dan juga saksi bagi kedua belah pihak yang akan memberi keterangan di mahkamah namun keutamaan diberikan kepada pemohon yang tinggal di luar Lembah Klang dan tidak berkemampuan.